

KUALA LUMPUR, 16 NOV. (BERNAMA) — MALAYSIA YAKIN IA BERADA DI AMBANG PERKEMBANGAN PELABURAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, BAGI TUJUH BULAN PERTAMA TAHUN INI UMLAH PROJEK YANG DILULUSKAN BERTAMBAH DARI 162 KEPADA 195.

INI MERUPAKAN TAMBAHAN DALAM PELABURAN MODAL DARI \$261 JUTA KEPADA \$470 JUTA TAHUN INI BAGI TEMPOH YANG SAMA, KATANYA DALAM TAKLIMAT PELABURAN DAN DIALOG TERTUTUP, ANJURAN INSTITUT PENGURUSAN MALAYSIA DI SINI.

SERAMAI 130 KETUA-KETUA EKSEKUTIF PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MENGHADIRI TALIMAT DAN DIALOG SEHARI ITU.

PIHAK KERAJAAN DIKETUAI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERSAMA DENGAN MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZ

LEIGH HAMZAH, MENTERI PENGANGKUTAN TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT ENCIK RICHARD HO DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM ENCIK MANAN OTHMAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MEREKA. — BERSAMBUNG 1335/YF

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH BERJAYA MENGATASI PELABURAN YANG MELESET.

ANGKA-ANGKA BAGI PELABURAN SWASTA PADA HAKIKATNYA MENUNJUKKAN PENURUNAN YANG KECIL DALAM TAHUN 1975.

TETAPI, DALAM TAHUN 1976 KEADAAN TELAH BERTAMBAH BAIK DAN ANGKA INI MENINGKAT EMPAT PERATUS DAN MENJADI 8.2 PERATUS TAHUN SUDAH.

KATANYA, TAHUN SUDAH 400 PROJEK TELAH DILULUSKAN TAHUN SUDAH YANG MERUPAKAN PELABURAN MODAL SEBANYAK \$882 JUTA YANG BOLEH MEMBERI 89,500 PEKERJA.

DARI PROJEK-PROJEK ITU, 201 ADALAH DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH RAKYAT MALAYSIA, LAPAN MILIK ASING DAN 181 USAHASAMA. — BERSAMBUNG 1340/YF

32

5522

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK JENIS PERKEMBANGAN DAN MEMPELBAGAI TELAH MENINGKAT SEBANYAK 190 PERATUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA VVPEMBENTUKAN MALAYSIA LNG SDN. BHD. MERUPAKAN PELABURAN YANG TERBESAR DIBUAT SETAKAT INI DI NEGARA INI SELAIN DARI SATU USAHA DALAM TEKNOLOGI PERINGKAT TINGGI.

KATANYA, ANTARA TAHUN 1975 DAN 1980 MALAYSIA BERHARAP DAPAT MENAIKKAN PEGANGAN MODAL SAHAM SYARIKAT-SYARIKAT BERHAD ASING DARI \$3,518 JUTA KEPADA \$8,952 JUTA.

PETAMBAHAN INI, BAGAIMANAPUN, ADALAH LEBIH RENDAH DARI UNJURAN MENAIKKAN DALAM UNJURAN MODAL SAHAM DARI \$9,890 JUTA KEPADA \$26,527 JUTA.

KATANYA, DENGAN DEMIKIAN SAHAM ASING DIUNJURKAN JATUH DARI 54.9 PERATUS KEPADA 43.6 PERATUS.

DENGAN LAIN-LAIN PERKATAAN, WALAUPUN KITA BEKERJA KUAT UNTUK MENAMBAHKAN PELABURAN ASING, SEBENARNYA KITA SEDANG MENGURANGKAN- NYA, KATANYA. — BERSAMBUNG 1412/A1

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASIH RAPAI YANG MENGAMBIL SIKAP +TUNGGU DAN LIHAT+ TERHADAPNYA.

KATANYA, KERAJAAN PERCAYA AKTA ITU BOLEH MENDATANGKAN FAEDAH DAN MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA INDUSTRI.

KAMI TIDAK MAHU TERLALU BANYAK PERSAINGAN UNTUK SUMBER YANG TERHAD ATAU UNTUK PASARAN YANG TERHAD,+ KATANYA.

BELIAU BERTANYA SEKTOR SWASTA JIKA MEREKA DAPAT MENGEMUKAKAN KES-KES YANG KONKRIT YANG KUASA AKTA ITU TELAH DISALAHGUNAKAN DAN BERKEMUNGKINAN DISALAHGUNAKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN BERSEDIA MENDENGAR DAN CUBA MENYESUAIKAN DENGAN PELABUR-PELABUR TULEN, SAMA ADA TEMPATAN DAN ASING. --- BERSAMBUNG 1431/AI

EE

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEBIMBANGAN PELABUR TELAH MENYEBABKAN KERAJAAN MEMINDA AKTA KEMAJUAN PETROLIUM.

AKTA PENYELARASAN PELABURAN SENDIRI DIPINDA DALAM BULAN OGOS TAHUN SUDAH SELEPAS BEBERAPA PERUNDINGAN DENGAN SEKTOR SWASTA DAN KERAJAAN JUGA MEMBERI JAMINAN AKAN MENKKAJI SEMULA DARI SEMASA KE SEMASA.

TETAPI BELIAU MENEKANKAN KERAJAAN TIDAK BERSEDIA MEMINDA APA-APA YANG BOLEH MENJEJASKAN OBJEKTIF ASAS IA DIBENTUK.

MENGENAI MISSI PENGGALAKAN PELABURAN KE SEBERANG LAUT, BELIAU BERKATA MISSI ITU PULANG DENGAN BEBERAPA CADANGAN USAHASAMA YANG MEMERLUKAN RAKAN TEMPATAN.

DARI JEPUN SAJA JUMLAH PELABURAN TEGAS IALAH SEBANYAK \$30 JUTA, KATANYA.

KATANYA, BAGI PIHAK KERAJAAN IA TELAH MENJALANKAN USAHA MENGGALAKAN PELABURAN DI NEGARA INI DAN BELIAU MENYERU SEKTOR SWASTA MENYUSULINYA.

+KAMI TELAH MENJANJIKAN SEBUAH PASARAN YANG KECIL TETAPI YANG BERKEMUNGKINAN,+ KATANYA. --- BERSAMBUNG 1435/AI

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA LAWATAN NAIB PERDANA MENTERI CHINA TENG HSIAO-PING ADALAH SATU FAKTOR TAMBAHAN MENYOKONG USAHA RANTAU ASIA TENGGARA YANG BERTEKAD UNTUK BERKECUALI BERIKUTAN DENGAN TAMATNYA PERANG VIETNAM.

+PROSPEK JANGKA PANJANG KITA TERLETAK ATAS HARAPAN UNTUK KERJASAMA EKONOMI SERANTAU,+ KATANYA.

KATANYA, ASEAN SEDANG MENDAPAT SATU BENTUK PENGUKUHAN DAN DENGAN BERTAMBAHNYA KEGIATAN PERDAGANGAN DAN DENGAN PENETUAN PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN IA SUDAH MELEWATI PERINGKAT BERCAKAP.

PEMANDANGAN YANG PALING OPTIMISTIK MENUNJUKKAN ASEAN SEBAGAI SATU ALTERNATIF KEPADA BLOC INDO-CHINA DAN PERNAYA HUBUNGAN POLITIK BOLEH DIHARMONIKAN ANTARA KEDUA-DUANYA ATAS ASAS KERJASAMA EKONOMI.

NEGARA-NEGARA ASEAN MEMPUNYAI HAMPIR SEMUA BAHAN UTAMA YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

DI MALAYSIA SAJA, ADA TANDA-TANDA CUKUP UNTUK PERKEMBANGAN BARU. ---BERSAMBUNG 1514/MD

SA

B542

MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

MALAYSIA MEMPUYAI SIMPANAN STRATEGIK BARU MINYAK DAN GAS. INISIATIF BARU DAN INOVASI SEDANG MENUKARKAN PEMANDANGAN CORPORATE.

MALAYSIA SEDANG MENUJU KE PERINGKAT KEDUA DALAM MANA INDUSTRI MENINGKAT KEPADA PROJEK PENENGAHAN DAN PERINGKAT SEPARUH BERAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERINGKAT KETIGA DALAM PERANCANGAN JANGKA PANJANG IALAH PERINDUSTRIAN BERAT SEPERTI PEMBINAAN KAPAL DAN PENGELUARAN BESI WAJA — INDUSTRI YANG MENJADIKAN DUNIA SEBAGAI PASARANNYA.

KATANYA, ADALAH TIDAK KETERLALUAN UNTUK MENGHARAPKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH MODEL BARU PERKEMBANGAN YANG PESAT DI ASIA.

KOREA SELATAN DAN TAIWAN BERJAYA SELEPAS MENGIKUTI LANGKAH JEPUN, DENGAN MENGELUARKAN BARANG-BARANG PERINDUSTRIAN MURAH MENGGUNAKAN TENAGA BURUH MURAH, KATANYA. —BERNAMA